



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**OPERATOR KENDERAAN TINGKAT I (D.2-3 EB.4)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. OPERATOR KENDERAAN TINGKAT I
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
D.2-3 EB.4 (\$650 - \$1,465 SEBULAN)
KEKOSONGAN= DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Satu (1) Keahlian mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (GCE 'A' Level) atau sebanding.

ATAU

- b) BDTVEC *National Trade Certificate Grade 1 (NTC1)* / *Pre-National Diploma* atau sebanding dalam bidang Automotif / Mekanikal atau dalam bidang yang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai Lesen Memandu kelas 3 dan 5 yang sah.

3. Mempunyai kemahiran, kepakaran serta berpengalaman luas dalam tatacara memandu / mengendalikan berbagai jenis kenderaan / jentera *Aviation Ground Support Equipment* dan pernah mengikuti kursus-kursus asas dan naik taraf *Operating and Handling GSE* dalam atau luar negeri yang diiktiraf oleh *International Air Transport Association (IATA)* adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menyedia, menyelenggara dan memastikan kesemua kenderaan / jentera *Ground Support Equipment* dalam keadaan *serviceable* / bersih / cukup / selamat digunakan apabila diperlukan semasa operasi penerbangan dan juga tugas-tugas pengangkutan yang lain jika diperlukan;
2. Mengendali (*operating & handling*) kesemua kenderaan / jentera *Ground Support Equipment*, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan berpandukan kepada tatacara dan *SOP*;
3. Memantau penyelenggaraan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan persekitaran tempat kerja, kakitangan, peralatan pejabat, kenderaan / jentera *GSE* dan juga harta benda yang di bawah kawalan Operator Kenderaan *GSE*;
4. Memantau / mengurus hal ehwal kebajikan dan juga kehadiran bertugas semua kakitangan bawahan;
5. Bertanggungjawab dalam mentadbir bidang tugas yang dilaksanakan oleh kakitangan dalam kumpulannya mengikut penjadualan yang ditetapkan; dan
6. Menerima dan melaksanakan arahan tugas yang akan ditentukan oleh pihak atasan mengikut keadaan dari semasa ke semasa.